



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

21 Sep 2020 (Isnin)

Berita Harian

'Loji IWK bukan punca air Sungai Gong jadi hitam'	1
Air pasang besar jejas Klang, Sabak Bernam	2
JPS diminta sedia peruntukan khas baiki jalan rosak	3

Utusan Malaysia

IWK nafi punca pencemaran air hitam	4
-------------------------------------	---

Harian Metro

Jalan penghubung digenangi air laut	5
Bumiku menangis hiba	6

Kosmo

IWK bukan punca sungai tercemar	7
Pertandingan mewarna serikan program Gotong-royong Merdeka 2020	8

Sinar Harian

JANJIKAN KEDIAMAN IMPIAN	9
Fenomena air pasang besar terkawal	10
Pemimpin kawasan diminta siap siaga, beri bantuan awal kepada penduduk	11
KSSB buka peluang kerjaya	12
Anak-anak OKU berkayuh ke Bukit Fraser	13
IWK nafi jadi punca air Sungai Gong hitam	14
Sungai Selangor tak terjejas	15

The Star

Foul odour riles up Puchong residents	16
MBPJ TAX REBATE	17
PREMISES RENTAL	18
Public urged to take legal action over water cut	19
RENEW DOG LICENCE	20
'Census info key to govt planning'	21
Villagers get much-needed leg-up	22
S'gor to hold career fair in nine districts	23
High tide fizzles out quickly	24
IWK denies pollution came from sewage plant	25
Selangor has highest number of dengue hotspots in the country	26

New Straits Times

AIRPORT HAD LONGEST RUNWAY	27
----------------------------	----

The Sun

IWK not responsible for 'black water' in Sungai Gong	28
--	----

The Malaysian Reserve

IWK denies claims of polluting Sungai Gong	29
--	----



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
21 September 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	'Loji IWK bukan punca air Sungai Gong jadi hitam'
Muka Surat	:	9

'Loji IWK bukan punca air Sungai Gong jadi hitam'

Syarikat kenal pasti ada bahan buangan sisa haram sebabkan pencemaran

Kuala Lumpur: Syarikat pembetungan dan pengurusan sisa kumbahan, Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) semalam, menegaskan kejadian air di Sungai Gong, Rawang menjadi hitam, bukan berpunca daripada pelepasan efluen Loji Rawatan Kumbahan Kawasan Perindustrian Rawang (GBK134) seperti dilaporkan media, kelmarin.

Ketua Pegawai Eksekutif IWK, M Narendran, berkata pihaknya sudah mengenal pasti ada buangan bukan kumbahan berwarna kuning dalam kebuk masuk loji itu sehingga menyebabkan efluen di peringkat proses akhir loji tercemar dengan warna kuning pekat.

"Petugas IWK di loji terbabit masih memantau dan mengawal kemasukan air kumbahan ke loji. Kami mengesyaki ada pembuangan sisa secara haram berlaku berdekatan dengan loji IWK sehingga bahan terbabit mengalir masuk ke dalam loji.

"Sehubungan itu, petugas kami terus menghentikan pelepasan discaj efluen dan operasi pembersihan segera dilaksanakan dan dijangka siap sepenuhnya hari ini. Kerja dos bahan kimia dijalankan

dengan pantas bagi mengawal keadaan," katanya dalam kenyataan semalam.

Kelmarin, media melaporkan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) menerima laporan insiden air Sungai Gong, Rawang berwarna hitam, tetapi tiada bau yang disyaki disebabkan pewarna.

Hasil siasatan lanjut, LUAS menemui pelepasan efluen berwarna dan berbuih, daripada discaj efluen loji rawatan kumbahan IWK GBK 134 area 5, di kawasan Perindustrian Rawang.

Kesal dengan dakwaan itu, Narendran berkata, perkara itu boleh mengelirukan orang ramai, selain menjadi penyebab mereka menuding jari kepada IWK, walaupun punca sebenar berkeungkinan daripada pembua-

ngan sisa secara haram.

"IWK sangat kecewa kerana sering menjadi sasaran mudah kepada sebarang kejadian pencemaran air seperti kejadian terbaru ini tanpa membuat sebarang pemeriksaan rapi atau melaporkan maklumat secara menyeluruh," katanya.

Mengulas lanjut, beliau memaklumkan bahawa loji rawatan air kumbahan direka bentuk hanya bagi merawat air kumbahan dan ia tidak mampu merawat sebarang bahan kimia atau sisa lain yang dilepaskan secara haram ke dalam jajaran paip pembentungan.

Tegasnya, pembuangan sisa haram bukan kumbahan adalah satu kesalahan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006.

BERNAMA



Petugas IWK di loji terbabit masih memantau dan mengawal kemasukan air kumbahan ke loji. Kami mengesyaki ada pembuangan sisa secara haram berlaku berdekatan dengan loji IWK sehingga bahan terbabit mengalir masuk ke dalam loji.

M Narendran,
 Ketua Pegawai Eksekutif IWK



KERATAN AKHBAR
21 September 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Air pasang besar jejas Klang, Sabak Bernam
Muka Surat	:	16



Kedudukan ketika air laut pasang besar yang berlaku pada kira-kira jam 7 pagi sehingga waktu kemuncaknya pada jam 7.53 pagi di jeti Kampung Tok Muda, Klang, semalam. (Foto BERNAMA)

Air pasang besar jejas Klang, Sabak Bernam

Fenomena masuk hari kedua puncak hakisan teruk berlaku pada benteng pantai

Klang: Beberapa kawasan di sekitar daerah Klang dan Sabak Bernam semalam, terjejas ekoran fenomena air laut pasang besar yang melanda pesisir pantai Selangor. Ketua Unit Pengurusan Bencana Selangor, Ahmad Fatriz Mohd Yusoff, berkata sehingga jam 11.30 pagi semalam, antara kawasan ditandakan air melipahi benteng di Klang ialah Ban Sungai Keramat Kampung Batu 4, Ban Batu 7 (Kampung Semena), Kampung Tok Muda dan pangkalan nelayan Batu 7 Kampung Semena. Selain itu, beliau berkata, jeti pangkalan nelayan Kampung Dendak, Jalan Banting, Pandamaran, pangkalan Sungai Udang di Kampung Baru Tok Gong dan kampung tradisi serta Kampung Pandamar turut ditandakan air. "Tiga rumah di kawasan Kampung Pandamar ditandakan air akibat limpahan air laut, namun air mulai surut secara beransur-ansur. "Ban dan benteng di pesisir pantai juga kukuh dan dalam keadaan baik. Situasi masih selamat dan terkawal," katanya dalam kenyataannya dalam kenyataan beritanya BERNAMA, di sini, semalam. Di Sabak Bernam, limpahan ke-

cil dilisan melipahi benteng berlaku di kawasan Bagai Sekinchan, Pantai Batu 23, Sungai Haji Denari, Bagai Sungai Besar, Sungai Baurang, Puri Baru Baruh, Kampung Baru dan Sungai Nibong. "Sebaik ini, tiada kawasan penempatan yang terjejas," katanya. "Triguan BERNAMA pada jam 8 pagi semalam mendapati air naik sehingga paras lutut di pangkalan nelayan Sungai Udang, Kampung Baru Tok Gong, dekat sini, manakala beberapa rumah berdekatan jeti nelayan turut ditandakan air. "Penduduk setempat, Mohd Johari Ibrahim, berkata keadaan itu hanya berlaku ketika fenomena air pasang besar. "Air mulai naik kira-kira jam 7.30 pagi sehingga jam 8 pagi tadi (semalam). Selepas itu, ia mulai surut. Biasanya air melimpah sekitar kawasan jeti saja dan tidak sampai ke rumah penduduk kerana adanya tali air antara jeti dan kawasan perumahan," katanya. Benteng Kampung Tok Muda di Kepar turut mengalami limpahan air ekoran fenomena air pasang itu. Sementara itu, fenomena air laut pasang besar yang memasuki hari kedua menyebabkan sebahagian besar jalan menghubungkan Kuala Selangor ke Pasir Penambang, di sini, turut ditandakan air dan video kejadian itu tular di laman sosial. Menurut dua video berturas 30 dan 58 saat itu, kelihatan puluhan peraguna jalan raya membebankan keadaan mereka berikutan air melimpah di kedua-dua laluan. Ada juga pengguna yang dilihat berlari melalui jalan itu terutama kenderaan pacuan empat roda. (SK) Tambak Jawa dijangka dibuka bagi membolehkan mangsa banjir. Media sebelum ini melaporkan lima daerah di Selangor diramal dilanda fenomena air laut pasang besar bermula bulan ini hingga November depan. Fenomena ini diramal berlaku pada 19 hingga 20 September, 17 hingga 18 Oktober dan 16 hingga 16 November di pesisiran pantai Selangor dengan ketinggian paras air laut melebihi paras 5.0 meter.



Air laut pasang besar melimpahi jeti awam Bayan Halam, Jalan Foreshore Pelabuhan Klang, semalam. (Foto BERNAMA)



Air laut yang melimpah masuk ke kawasan sekitar jeti nelayan di Kampung Nelayan, Telok Gong, Klang, semalam. (Foto BERNAMA)

Air mula naik kira-kira jam 7.30 pagi sehingga jam 8 pagi tadi (semalam). Selepas itu, ia mula surut. Biasanya air melimpah sekitar kawasan jeti saja dan tidak sampai ke rumah penduduk kerana adanya tali air antara jeti dan kawasan perumahan

Mohd Johari Ibrahim, Penduduk



Kedudukan rumah yang dimusnahi air susulan fenomena air laut pasang besar di Sungai Buloh, Jeram, semalam. (Foto Makir Mat ha/BER)



Pasukan Skwad Pantar Majlis Perbandaran Kuala Langkat (MPKL) melakukan pemantauan sekitar Pantai Kelangang, Kuala Langkat, semalam. (Foto Fazl Anwar/BER)

Tybing Pantai Morib parah kesan daripada air laut pasang besar yang memasuki hari kedua.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 21 September 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	JPS diminta sedia peruntukan khas baiki jalan rosak
Muka Surat	:	17



Keadaan jalan menghubungkan Kuala Selangor ke Pasir Penambang dinaiki air susulan fenomena air laut pasang besar. (Foto ihsan pembaca)

JPS diminta sedia peruntukan khas baiki jalan rosak

Tanjong Karang: Ahli Parlimen Tanjong Karang, Tan Sri Noh Omar, berkata pihaknya sudah meminta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menyediakan peruntukan khas untuk kerja membaiki pulih beberapa jalan yang rosak di sepanjang Sungai Kajang. Beliau berkata, hasil pemantauan dilakukan mendapati Jalan Bagan Sungai Kajang antara yang mengalami kesan hakisan teruk ekoran dipukul ombak.

Katanya, perkara itu harus diatasi bagi memastikan penduduk tidak terputus hubungan akibat ke-rosakan jalan yang serius.

"Sudah tentu hakisan ombak mengakibatkan jalan rosak dan memberi kesan kepada rumah nelayan yang ada di sekitarnya yang ke-

banyakannya dibina di kawasan ini.

"Kita turut bimbang sekiranya benteng pecah, air laut akan melimpah masuk ke kebun yang boleh menyebabkan hasil pertanian dan ternakan penduduk terjejas," katanya mengulas fenomena air laut pasang besar yang melanda Parlimen itu, semalam.

Noh berkata, beliau turut mencadangkan JPS membina batu konkrit di sepanjang Pantai Sungai Kajang yang ketika ini menjadi tumpuan pengunjung pada waktu petang terutama hujung minggu.

"Sebelum ini, kita pernah meletakkan batu konkrit di pesisir pantai dan berharap ia dapat ditambah lagi bagi menghalang hakisan ombak," katanya.



Kita turut bimbang sekiranya benteng pecah, air laut akan melimpah masuk ke kebun yang boleh menyebabkan hasil pertanian dan ternakan penduduk terjejas.

Noh Omar,
 Ahli Parlimen Tanjong Karang



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
21 September 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	IWK nafi punca pencemaran air hitam
Muka Surat	:	13

IWK nafi punca pencemaran air hitam

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**
 utusannews@mediamula.com.my

SHAH ALAM: Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) menafikan kejadian air hitam di Sungai Gong, Rawang berpunca daripada pelepasan air buangan atau elfuen Loji Rawatan Kumbahan Rawang Integrated Industrial Park (GBK134) milik mereka.

Malah, IWK dalam kenyataannya turut menyatakan rasa kecewa dengan tuduhan tersebut dan tindakan itu hanya mengelirukan orang awam berikutan punca sebenar kejadian mungkin disebabkan pembuangan sisa secara haram.

Ketua Pegawai Eksekutif (IWK), Narendran Maniam berkata, loji rawatan air kumbahan hanya di reka bentuk untuk merawat air kumbahan sahaja dan tidak mampu merawat bahan kimia atau sisa lain yang dilepaskan secara haram ke dalam jajan paip pembedungan.

"IWK kecewa kerana sering menjadi sasaran mudah kepada sebarang kejadian pencemaran air seperti kejadian ini tanpa membuat pemeriksaan rapi atau melaporkan maklumat secara menyeluruh.

"Kita sentiasa memastikan kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan di semua 7,000 buah



PIHAK berkuasa masih menyiasat punca air dari longkang besar berhampiran Sungai Gong, Rawang berwarna hitam.

loji di bawah selian IWK sentiasa mengikut spesifikasi serta prosedur yang telah ditetapkan pihak

berkuasa.

"Pembuangan sisa haram buangan kumbahan adalah satu ke-

salahan menurut Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (WSIA 2006)," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mengulas lanjut, Narendran berkata, petugasnya telah mengenal pasti kemasukan buangan bukan kumbahan berwarna kuning ke dalam kebuk masuk loji yang mengakibatkan effluen di peringkat proses akhir tercemar.

Menurut beliau, pihaknya mengesyaki terdapat pembuangan sisa secara haram yang berlaku berdekatan dengan loji sehingga bahan tersebut dapat mengalir masuk ke dalam loji.

"Petugas IWK terus menghentikan pelepasan discaj effluen dan operasi pembersihan segera dilaksanakan dan akan siap sepenuhnya hari ini (semalam).

"Kerja-kerja dos bahan kimia telah dijalankan dengan pantas bagi mengawal keadaan. Petugas IWK masih memantau dan mengawal kemasukan air kumbahan ke loji tersebut.

"Loji tersebut merupakan Oxidation Ditch (OD) Plant yang bersambung kepada 11,106 penduduk setara yang hanya meliputi kawasan perindustrian," ujarnya.

Semalam, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) menerima laporan daripada Jabatan Pengairan

dan Saliran (JPS) Gombak hubung insiden air Sungai Gong berwarna hitam.

LUAS dalam kenyataannya berkata, siasatan di kawasan Inlet Kolam Tebatan Banjir JPS mendapati air sungai tersebut berwarna hitam dan tiada bau selain disyaki ia disebabkan oleh pewarna.

Berikutan itu, katanya, LUAS mengaktifkan Kod Kuning berdasarkan Manual Kecemasan Pencemaran Sumber Air bagi siasatan secara menyeluruh di kawasan terlibat yang berisiko menyebabkan henti tugas Loji Pembersihan Air (LPA) utama di bahagian hilir Sungai Selangor.

Siasatan juga mendapati terdapat pelepasan effluen berwarna dan berbau daripada discaj effluen loji rawatan kumbahan Indah Water Konsortium (IWK) GBK 134 area 5 di kawasan Perindustrian Rawang.

Malah, pensampelan telah dijalankan oleh pihak LUAS dan mendapati kandungan Ammonia adalah sebanyak 5.2 mg/l dan TSS adalah 47 mg/l.

Bagaimanapun, kerja-kerja pembersihan di Loji Pembersihan Air (LPA) utama di bahagian hilir Sungai Selangor ekoran air berwarna hitam di Sungai Gong, Rawang dekat sini selesai dijalankan pukul 9 malam kelmarin.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 21 September 2020		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Jalan penghubung digenangi air laut
Muka Surat	:	8

laut muntah air



ANGGOTA Rela membuat pemantauan di lokasi air yang melimpah melepasi benteng ekoran fenomena air pasang besar yang berlaku sekitar jam 7 pagi hingga waktu kemuncaknya jam 7.53 pagi di Jeti Kampung Tok Muda Kapar Klang, semalam.



KEADAAN di tepi pantai yang dinaiki air di Pantai Remis, Jeram, Kuala Selangor.



AIR laut melimpah di jeti nelayan Kampung Nelayan, Telok Gong, Pelabuhan Klang, semalam.



JALAN menghubungkan Kuala Selangor ke Pasir Penambang dinaiki air susulan fenomena air laut pasang besar.

HARI KEDUA PASANG BESAR

Jalan penghubung digenangi air laut

Oleh **Amirul Aiman Hamsuddin**
am@hmetro.com.my

Kuala Selangor

Fenomena air laut pasang besar yang memasuki hari kedua menyebabkan sebahagian besar jalan menghubungkan Kuala Selangor ke Pasir Penambang di sini, dinaiki

air, semalam.

Menerusi dua video berdurasi 30 dan 58 saat itu, puluhan pengguna jalan raya dilihat memberhentikan kenderaan mereka apabila air membanjiri kedua-dua laluan.

Bagaimanapun, ada pengguna yang dilihat berani me-

redah banjir untuk melalui jalan itu terutama kenderaan pacuan empat roda. Sebelum ini, empat rumah di Kampung Sungai Janggut, Jeram di sini, terjejas susulan fenomena air laut pasang besar, kelmarin.

Media sebelum

ini melaporkan lima daerah di Selangor diramal dilanda fenomena air laut pasang besar bermula hari ini hingga November depan.

Fenomena ini diramal berlaku pada 19 hingga 20 September, 17 hingga 19 Oktober dan 15 hingga 16 November di persisiran pantai Selangor dengan ketinggian paras air laut mencecah paras 5.8 meter.

Lima daerah di Selangor diramal dilanda fenomena air laut pasang besar



SEORANG lelaki mengharungi air pasang besar di di Jeti Awam Bagan Haiam, Jalan Foreshore, Pelabuhan Klang, semalam.



KERATAN AKHBAR 21 September 2020		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Bumiku menangis hiba
Muka Surat	:	14

HUKUM BERAT PENCEMAR ALAM

Bumiku menangis hiba



Bersama
**Maimalina
 Mohamed Amin**

P

Terfikir juga sama ada si pelaku yang meninggalkan sisa itu langsung tiada rasa bersalah kerana mengotorkan hutan

ada 15 September lalu, Mahkamah Sesyen Selayang dekat Kuala Lumpur membuat keputusan tegas apabila tidak membenarkan empat ahli lembaga pengarah dan seorang pengurus syarikat membaiki jentera berat, diikat jamin. Mereka berdepan dua pertuduhan berkaitan pembuangan bahan berbahaya ke dalam Sungai Gong, Rawang yang menyebabkan empat Loji Rawatan Air (LRA) milik Air Selangor Sdn Bhd dibentangi fungsi pada 3 September.

Berikutan tindakan tidak bertanggungjawab itu, jutaan pengguna di 1,292 kawasan di tujuh wilayah di Lembah Klang menghadapi gangguan air selama seminggu. Ikut hati memang wajar si pelaku yang pentingkan diri dan hanya tahu mengkayakan syarikat sendiri dihantar terus ke Penjara Bentong sementara menunggu tarikh perbicaraan supaya mereka sedar dosa mencemarkan alam sekitar yang bukanlah kesalahan ringan, apatah lagi jika sudah mengganggu kehidupan masyarakat keseluruhannya.

Itu kes terkini yang menjadi perhatian rakyat Malaysia, belum lagi termasuk kes pencemaran yang tidak didedahkan, dipandang sepi dan dianggap kurang serius seperti pencemaran hutan.

Saya bangkitkan isu ini kerana sedih dengan sikap orang kita yang tidak pandai menghargai alam sekitar. Anda mahu sihat dan merasai suasana alam dengan mendaki gunung yang kebanyakannya berada dalam kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK). Malangnya, ada yang bersikap jelek dengan membuang sampah sesuka hati.

Adakah anda fikir ada pekerja pembersihan atau majlis perbandaran yang akan kutip sampah yang anda tinggalkan itu? Seorang pendaki yang sudah saya anggap seperti kakak lingkungan 50-an menyuarakan rasa kesal dengan sikap manusia pelik sebegini. Dia bukan sebarang pendaki kerana sudah 'berkawan' dengan hutan dan alam semula jadi sejak beberapa tahun lalu, malah hampir setiap minggu mendaki mana-mana bukit atau gunung yang berkenan di hati.

Pada 12 September lalu, kami bersama mendaki Gunung



HUKUMAN bunyinya keras, tetapi jika itu saja cara untuk mendidik rakyat Malaysia supaya mencintai khazanah bumi, apa salahnya ia dikuatkuasakan.

Berembun di jelebu, Negeri Sembilan. Malangnya kami disajikan dengan panorama yang kurang indah di Gua Kambing iaitu satu daripada pusat pemeriksaan atau *checkpoint* sebelum ke puncak. Selonggok plastik, bekas makanan, botol air kosong dan sisa sampah lain terbiar di atas pelantar di tepi batu besar di situ yang sangatlah mencacatkan pemandangan. Ada juga terselit di tepi batu.

Terfikir juga sama ada si pelaku yang meninggalkan sisa itu langsung tiada rasa bersalah kerana mengotorkan hutan. "Kenapa botol air dan bekas makanan yang masih berisi boleh dipikul, dibawa mendaki bersama, tetapi apabila sudah kosong, sisanya ditinggalkan di mana-mana sudut di hutan?"

"Padahal ia sudah tidak jadi beban pun kerana tiada isi," kata kakak kepada saya. Ada betulnya kenyataan dia. Jika anda pendaki tentu maklum bahawa beg berisi pelbagai kelengkapan dan

makanan akan menjadi bebanan jika perlu menempuh laluan pacak. Soalnya, jika bekalan dibawa habis ditelan ketika perjalanan, bekas atau botol plastik (sebagai contoh) bukan lagi satu beban.

Lebih utamanya, kebanyakan plastik berciri kitar semula yang boleh dipenyekkan dan lebih ringan. Susahkah bawa turun bekas kosong itu berbanding membuangnya di dalam hutan? Saya kira orang begini jenis yang mementingkan diri, tiada kesedaran dan tidak sedar dek untung.

Syukur Jabatan Perhutanan negeri masih membenarkan trek hutan di bawah jajahan mereka untuk diteroka pencinta alam dan penggemar aktiviti lasak. Jadi, bantulah mereka dengan menjaga hutan kita. Sudahlah banyak kawasan hutan yang diteroka demi pembangunan. Jadi tinggalan yang masih ada ini seharusnya kita pelihara bersama-sama.

Tahukah anda bahawa Akta Perhutanan Negara 1984/ (Pindaan) 1993 memperuntukkan Seksyen 83 untuk kesalahan membuang sampah-sarap secara mengganggu dalam HSK.

Bermakna pembuangan sampah haram di hutan boleh dihukum denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Jika, ada bukti, boleh kita dakwa pencemar hutan ini seperti dakwaan ke atas wakil syarikat yang dituduh mencemarkan Sungai Gong. Hukum bunyinya keras, tetapi jika itu saja cara untuk mendidik rakyat Malaysia supaya mencintai khazanah bumi, apa salahnya ia dikuatkuasakan.

Takkan kita mahu hanyut dalam mentaliti kelas ketiga yang kurang kesedaran sivik dan tiada amalan nilai murni. Sudah masanya kita hayati tanggungjawab sebenar sebagai rakyat Malaysia.

Menjaga negara bukan hanya memelihara kedaulatannya, tetapi menjadi warga negara yang berosop santun dan bersusila antara masyarakat serta khazanah seisinya. Jadilah juga hamba Allah SWT yang dilantik sebagai khalifah di muka bumi bukan untuk mengutamakan ketuanan dan kekuasaan sebaliknya, mengabdikan diri kepada Yang Esa serta berbuat kebaikan kepada seluruh makhluk bumi.

Penulis adalah Penolong Pengarang Berita, Harijan Metro



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
21 September 2020		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	IWK bukan punca sungai tercemar
Muka Surat	:	14

Sungai Gong bertukar hitam akibat pembuangan sisa kimia

IWK bukan punca sungai tercemar

Oleh **AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI**

KUALA LUMPUR – Indah Water Konsortium (IWK) mengesyaki terdapat pembuangan sisa secara haram berdekatan dengan loji dan bukannya berpunca daripada pihaknya hingga menyebabkan air bertukar menjadi hitam di Sungai Gong, Rawang semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif (IWK), Narendran Maniam berkata, kejadian itu bukan berpunca daripada pelepasan air buangan atau efluen di Loji Rawatan Kumbahan Rawang Integrated Industrial Park (GBK134) milik IWK.

Katanya, petugas telah mengenal pasti kemasukan buangan bukan kumbahan berwarna ku-

ning ke dalam kebuk masuk loji yang mengakibatkan efluen di peringkat proses akhir tercemar.

"Kami syak terdapat pembuangan sisa secara haram yang berlaku berdekatan dengan loji sehingga bahan terbabit dapat mengalir masuk ke dalam loji.

"Petugas IWK terus menghentikan pelepasan discaj efluen dan operasi pembersihan segera dilaksanakan dan akan siap sepenuhnya hari ini (semalam)," katanya dalam satu kenyataan.

Tambahnya, kerja-kerja dos bahan kimia telah dijalankan dengan pantas bagi mengawal keadaan.

Menurut Narendran, loji tersebut merupakan "Oxidation Ditch (OD) Plant" yang bersambung kepada 11,106 penduduk setara

yang hanya meliputi kawasan perindustrian.

Belliau berkata demikian sebagai respon kepada kenyataan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mengatakan air Sungai Gong menjadi warna hitam tetapi tiada bau dan disyaki disebabkan oleh pewarna.

Pada masa sama, LUAS turut menyatakan terdapat pelepasan efluen berwarna dan berbau dari discaj efluen loji IWK.

Narendran berkata, kenyataan itu mengelirukan orang awam dan loji rawatan hanya merawat air kumbahan dan bukannya bahan kimia.

"IWK kecewa kerana sering menjadi sasaran mudah kepada sebarang kejadian pencemaran air," jelasnya.



SUNGAI Gong bertukar menjadi hitam disebabkan pembuangan sisa secara haram oleh pihak tertentu semalam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 21 September 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Pertandingan mewarna serikan program Gotong-royong Merdeka 2020
Muka Surat	:	32

Pertandingan mewarna serikan program Gotong-royong Merdeka 2020

MERIAH. Persatuan Penduduk Taman Pinang Hillpark Puncak Alam Selangor menganjurkan program Gotong-royong Merdeka 2020 baru-baru ini bagi mengeratkan kembali hubungan kejiranan selepas tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ahli Jawatankuasa Persatuan Penduduk Taman Pinang Hillpark, Siti Nur Hawa Sharbani berkata, antara lain program itu bertujuan untuk menyelesaikan permasalahan penduduk berkenaan saluran longkang tersumbat, pembiakan nyamuk dan tikus.

Program ini turut mendapat kerjasama Jabatan kesihatan & Persekitaran Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) dan pasukan bomba sukarela untuk menyediakan peralatan gotong-royong seperti 'water jet', tong roro untuk kegunaan program.

Selain itu, turut diadakan program mewarna untuk kanak-kanak di kawasan berkenaan.



SEBAHAGIAN kanak-kanak menyertai program mewarna di Taman Pinang Hillpark Puncak Alam, Selangor baru-baru ini.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 21 September 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	JANJIKAN KEDIAMAN IMPIAN
Muka Surat	:	11

SINAR HARIAN • ISIN 21 SEPTEMBER 2020

11

PKNS Membina Komuniti Memperkasakan Kehidupan...
 Meralisasikan Impian 1964 - 2020

JANJIKAN KEDIAMAN IMPIAN

Antara Gapi antara projek penempatan terbaik ditawarkan PKNS

Oleh ZUBIR SULAIMAN

Projek perumahan Antara Gapi di Serendah boleh dianggap antara projek penempatan terbaik yang ditawarkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dengan pelbagai prasarana dan kemudahan lengkap. Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Datuk Mohd Azizi Mohd Zain berkata, sejak dibuka pada tahun 1995 dengan keluasan keseluruhan 385.50 hektar dan melibatkan enam seksyen, sebanyak 1,947 unit rumah kediaman dan 111 unit kedai dibangunkan di Antara Gapi.

Menurutnya, projek pembangunan itu siap tahun ini dan mendapat sambutan yang menggalakkan dengan jualan hampir 70 peratus.

"Apabila menyebut Antara Gapi mungkin orang ramai sukar untuk mengenalinya tetapi apabila kita sebut Serendah, mereka tahu kerana kawasan ini memiliki pelbagai kemudahan termasuk padang golf.

"Antara Gapi merupakan antara bandar baharu yang dibina oleh PKNS dengan menghubungkan Bernam Jaya dan Kota Puteri," katanya ketika wawancara bersama media sempena sambutan 56 tahun PKNS di pejabatnya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Besar Pembangunan Wilayah Tengah, Azmi Adnan; Pengurus Kanan Jualan

“ Antara Gapi merupakan antara bandar baharu yang dibina oleh PKNS dengan menghubungkan Bernam Jaya dan Kota Puteri.”

Hartanah Wilayah Tengah, Ishak Hashim dan Pengurus Kanan Jualan Hartanah Wilayah Utara, Azilah Arshad.

Mohd Azizi berkata, akses yang menghubungkan bandar-bandar utama di kawasan sekitar termasuk ke Kuala Lumpur merupakan ciri utama yang menggamit pembeli untuk memiliki kediaman Antara Gapi.

Katanya, antara lebuhraya yang menghubungkan antara Antara Gapi termasuk Lebuhraya Plus, Guthrie, Latar dan Rawang Bypass.

"Malah kemudahan awam lain turut tersedia seperti sekolah, surau, kemudahan riadah dan pusat-pusat komersial yang dibangunkan di sini.

"Pusat rekreasi yang ada di sekitar kawasan ini juga menjadi

tarikan pembeli dengan adanya Taman Rekreasi Telaga Tujuh Serendah, Air Terjun Serendah, Hulu Tamu Hot Springs, Batang Kali dan sebagainya," katanya.

Diskaun

Mohd Azizi berkata, pelanggan ditawarkan diskaun sehingga 20 peratus atau RM150,000 menerusi Program 48 Jam Mesti Beli @Antara Gapi.

Menurutnya, program yang memasuki edisi kelima sejak dianjurkan November tahun lalu itu melibatkan tiga projek perumahan. Antara Gapi dengan 354 unit tersedia bagi rumah link dua tingkat (Widuri), rumah berkembar dua tingkat (Azhara) dan rumah berkembar (Cassia).

Sementara itu, Mohd Azizi berkata, PKNS berjaya meraih nilai jualan sebanyak RM18,691,600 bermula di Kota Puteri pada 2 dan 3 November 2019 (RM5,621,000), diikuti Antara Gapi pada 22 dan 23 Februari 2020 (RM4,489,000), jualan secara atas talian pada 20 hingga

21 Jun 2020 dan Bernam Jaya pada 18 dan 19 Julai 2020 (RM6,381,600).

Justeru katanya, pihaknya menasaskan nilai jualan sebanyak RM4 juta bagi program yang akan berlangsung hujung bulan ini selain menyediakan pelbagai lagi tawaran menarik pada jualan penghujung tahun ini.

"Kita harap orang ramai yang ingin memiliki rumah kediaman yang serba lengkap merebut peluang ini dan menikmati pakej-pakej ditawarkan," katanya.

Program 48 JAM MESTI BELI ANTARA GAPI
26 & 27 September 2020
 Tasik Antara Gapi, Serendah

DISKAUN RUMAH SEHINGGA 20%

INFO

WIDURI

- Rumah Link 2 Tingkat
- Luas Lot 22' x 65'
- Keluasan dari 1,915 kps

CASSIA

- Rumah Berkembar 2 Tingkat
- Luas lot : 40' X 80'
- Keluasan dari: 2,375 Kps

AZHARA

- Rumah Berkembar 2 Tingkat
- Luas lot : 40' X 80'
- Keluasan dari: 2,714 Kps

LAVENDER

- Rumah Berkembar 2 Tingkat
- Keluasan dari: 2,861 kps





KERATAN AKHBAR		
21 September 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Fenomena air pasang besar terkawal
Muka Surat	:	14

Fenomena air pasang besar terkawal

Ban dan benteng yang pecah di Kuala Langat sudah dibaiki

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF

SHAH ALAM

Jabatan Pengairan dan Saliran sudah membaik pulih dan mengukuhkan ban serta benteng yang pecah di Kuala Langat melibatkan Pantai Morib, Kampung Sawah dan Pantai Kelang pada Jumaat lalu.

Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor menerusi satu kenyataan semalam bagaimanapun memaklumkan pementauan di lima daerah yang terlibat dengan fenomena air pasang besar berada dalam keadaan terkawal.

Menurut kenyataan itu, air pasang besar di Pelabuhan Klang mencecah paras 5.6 meter pada jam 7.53 pagi semalam.

"Empat buah rumah di Kampung Sungai Janggut, Kuala Selangor dinaiki air akibat

limpahan air laut.

"Pusat pemindahan di SK Tambak Jawa bersedia sedia bagi menempatkan mangsa yang terkesan banjir.

"Pada masa sama, JPS telah meletakkan satu unit pam berhampiran parit di pejabat Lembaga Zakat Selangor, Kampung Sungai Janggut, Jeram untuk mengempam keluar air laut yang melimpah.

"Kawasan lain hanya sedikit limpahan dikesan melepasi ban dan benteng iaitu di Medan Muara Ikan Bakar Jeram, Pantai Remis, Sungai Sembilang, Apartmen Warisan Sungai Sembilang, Sasaran Sungai Buloh, Jeti Sungai Janggut dan Jalan Utama Klang-Telok Intan (Pasir Penambang).

"Ban serta benteng di pesisir pantai kukuh dan dalam keadaan baik," katanya.

Kenyataan itu juga memberitahu, di kawasan Klang pula antara yang terlibat ialah ban Sungai Keramat Kampung Batu 4, Ban Batu 7 (Kampung Sementa), Kampung Tok Muda, Pengkalan Nelayan Batu 7, Pengkalan Nelayan Kampung Delek, Jalan Banting Pandamaran, Pengkalan Sungai



FOTO: BERNAMA

Keadaan ketika tinjauan fenomena air pasang besar yang berlaku sekitar 7 pagi sehingga waktu kemuncaknya pada 7.53 pagi di Jati Kampung Tok Muda Kapar Klang semalam.

Udang, Kampung Baru Telok Gong, Kampung Tradisi dan Kampung Pendamar.

"Terdapat tiga buah rumah di Kampung Pendamar dinaiki air akibat limpahan air laut," katanya.

Untuk kawasan Sabak Bernam pula terdapat beberapa kawasan yang mengalami limpahan kecil air laut.

Kawasan lain yang terjejas ialah Sepang membabitkan Jati Sepang Kecil, Jati Wak Semboh, Pintu Air Bagan Lalang dan Kampung Orang Asli Bagan Lalang.



Keadaan ketika tinjauan fenomena air pasang besar yang berlaku di Jati Awam Bagan Hallam, Jalan Foreshore Pelabuhan Klang semalam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 21 September 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Pemimpin kawasan diminta siap siaga, beri bantuan awal kepada penduduk
Muka Surat	:	14



Beberapa jalan di Kuala Selangor turut dinaiki air dalam kejadian air pasang besar semalam.



Anggota bomba memantau keadaan di kawasan yang terlibat dalam fenomena air pasang besar.

Pemimpin kawasan diminta siap siaga, beri bantuan awal kepada penduduk

SHAH ALAM - Pemimpin setempat perlu mengambil serius amaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia berhubung fenomena ribut dan air pasang besar di beberapa kawasan di negeri ini.

Exco Pembangunan Usahawan, Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi negeri, Rodziah Ismail berkata, Majlis Perwakilan Komuniti Kampung (MPKK), biro serta penghulu mukim di kawasan terlibat juga diminta berjaga-jaga dengan fenomena itu dan memberi bantuan awal kepada penduduk.

Katanya, berdasarkan informasi jabatan berkenaan, beberapa kawasan terutama di pesisir pantai akan terdedah kepada ri-



14 TAHUN #KEKALNEUTRAL

but dan air pasang besar. "Kerajaan negeri pula akan sentiasa bersiap sedia bagi menangani bencana berkenaan," katanya menerusi satu kenyataan di sini semalam.

Terdahulu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari mengingatkan rakyat di negeri ini khususnya penduduk yang tinggal di kawasan pesisir atau ber-

hampiran pantai supaya berhati-hati menghadapi fenomena air pasang besar yang dijangka berlaku pada September hingga November ini.

Menurutnya, fenomena itu dijangka melibatkan beberapa lokaliti di lima daerah iaitu Klang, Kuala Langat, Sepang, Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

"Mengikut maklumat yang diterima, tahap ketinggian maksimum paras air dijangka mencecah 5.8 meter," katanya dalam siaran video menerusi platform Media Selangor.

Sementara itu, empat rumah penduduk di Kampung Sungai Janggut di sini terjejas berikutan fenomena air pasang besar melanda kampung itu kelmarin.



KERATAN AKHBAR		
21 September 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	KSSB buka peluang kerjaya
Muka Surat	:	21



Seramai 11 graduan lepasan ijazah dari pelbagai bidang terpilih untuk menjalani Program Pelatih Graduan KSSB yang bermula 3 Ogos lalu.

KSSB buka peluang kerjaya

Program Pelatih Graduan yang dilaksana bantu tempuh alam pekerjaan

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI

SHAH ALAM



AHMAD HAKIMI

Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) membuka peluang kerjaya untuk graduan lepasan ijazah dengan melaksanakan Program Pelatih Graduan bermula pada 3 Ogos lalu.

Program yang pertama kali diperkenalkan oleh anak syarikat kerajaan negeri Selangor itu bermatlamat untuk membantu graduan lepasan ijazah yang belum mendapat pekerjaan bersesuaian dengan bidang pengajian mereka untuk mendapat latihan kerja secara komprehensif serta membuka ruang dan peluang kepada graduan untuk menimba pengalaman kerja dalam bagi mempersiapkan diri sebelum menempuh alam pekerjaan.

Program Perantis KSSB menyasarkan graduan

yang memiliki Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Malaysian Qualifications Agency (MQA) dan yang tidak mendapat pekerjaan setaraf dengan kelayakan akademik dan bidang pengajian masing-masing sekurang-kurangnya setahun selepas tamat belajar.

Keutamaan diberikan kepada anak-anak negeri Selangor atau graduan lulusan institusi pengajian tinggi di bawah kelolaan kerajaan negeri Selangor atau institusi pengajian tinggi dalam negeri ini.

Ketua Jabatan Sumber Manusia dan Pentadbiran KSSB, Ahmad Hakimi Abd Hamid berkata, seramai 11 graduan lepasan ijazah daripada pelbagai bidang terpilih untuk menjalani program yang julung kali dianjurkan itu.

Beliau yang juga Penyelaras Program berkata, peserta Program Perantis KSSB akan menjalani latihan selama 12 bulan berdasarkan program latihan komprehensif yang meliputi penempatan dan pendedahan dalam semua jabatan serta penempatan di tapak-tapak operasi KSSB.

Katanya, kesemua peserta diberikan pendedahan berkenaan fungsi dan tanggungjawab setiap jabatan serta operasi syarikat

secara keseluruhannya. "Program ini sekali gus memberikan persediaan kepada lepasan ijazah sebelum mereka menempuh alam pekerjaan sebenar."

"Ini merupakan salah satu inisiatif bagi memberi ruang dan peluang kepada graduan yang terpilih untuk menimba ilmu pengetahuan dalam mempersiapkan diri sebelum menempuh alam pekerjaan," katanya dalam satu kenyataan kepada Sinar Harian.

Beliau berkata, graduan yang mengikuti program tersebut turut berpeluang untuk diserap menjadi kakitangan KSSB dan pemilihan akan dijalankan berdasarkan kekosongan jawatan dan prestasi yang ditunjukkan oleh mereka.

Menurutnya, bagi memastikan pelaksanaan dan implementasi Program Perantis KSSB berjalan lancar serta mencapai matlamatnya, setiap pelatih akan mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada mentor yang terdiri dalam kalangan kakitangan eksekutif serta juga ketua-ketua Jabatan di KSSB.

"Sepanjang tempoh latihan, setiap perantis ditugaskan untuk menyediakan dan membentangkan pelbagai bentuk laporan di hadapan panel-panel yang terdiri daripada kalangan kakitangan KSSB sendiri," katanya.

REAKSI



"Saya bersyukur kepada ALLAH SWT dan berterima kasih kepada KSSB memberi peluang kepada saya menjadi salah seorang Perantis KSSB."

- Redzaniell Afiq Mohd Rosdi, 23



"Saya sangat teruja diterima menjadi Perantis KSSB dan berharap dapat diserap menjadi kakitangan KSSB selepas tamat program nanti."

- Muhamad Hafizan Mohd Sobri, 26



KERATAN AKHBAR **21 September 2020**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Anak-anak OKU berkayuh ke Bukit Fraser
Muka Surat	:	24

Anak-anak OKU berkayuh ke Bukit Fraser

HULU SELANGOR - Bersempena sambutan Ulang Tahun ke-100 Bukit Fraser, Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) menganjurkan Program Kayuhan Puncak Anak Syurga kelmarin.

Menariknya, program yang bermula di kawasan parkir Sungai Chiling, Pertak itu turut menghimpunkan anak-anak kelainan upaya (OKU) dari Kelab Bikeisable yang bernaung di bawah Persatuan Persatuan Serebral Palsi Malaysia (MyCP).

Yang Dipertua MDHS, Dr Mohamad Azhar Mohamed Ali berka-

ta, penganjuran program berkenaan bakal mencatatkan sejarah baharu di mana ia merupakan penyertaan pertama peserta OKU untuk membuat kayuhan ke Bukit Fraser.

“Konvoi anak OKU ini akan diketuai oleh Adik Dihan iaitu seorang penghidap serebral palsy terlantar.

“Dia juga pemegang *Malaysia Book of Records* sebanyak dua kali menerusi penyertaan Sukan Lasak Duathlon di Bagin Serai pada Ogos 2018 dan kembara berbasikal merentas sempadan ke Thailand pada

Januari tahun ini,” katanya menerusi kenyataan kelmarin.

Dalam pada itu, Mohamad Azhar berkata, penganjuran program kayuhan itu juga bakal mencatat sejarah tersendiri buat peserta OKU yang rata-ratanya pertama kali menyertai kayuhan ke Bukit Fraser.

“Program ini berjaya dirangka hasil kerjasama dan sokongan banyak pihak antaranya Tourism Pahang, Majlis Daerah Raub, Balai Polis Daerah Raub, Balai Polis Fraser dan Tourism Selangor,” katanya.



Peserta Program Kayuhan Anak Syurga bergambar kenangan sebelum memulakan kayuhan dari Sungai Chiling ke Bukit Fraser kelmarin.



KERATAN AKHBAR		
21 September 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	IWK nafi jadi punca air Sungai Gong hitam
Muka Surat	:	24

IWK nafi jadi punca air Sungai Gong hitam

KUALA LUMPUR -

Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) menegaskan kejadian air hitam di Sungai Gong, Rawang, Selangor kelmarin bukan berpunca daripada pelepasan efluen Loji Rawatan Kumbahan Rawang Integrated Industrial Park (GBK134).

Ketua Pegawai Eksekutif IWK, Narendran Maniam berkata, petugas IWK di loji terbabit telah mengenal pasti kemasukan buangan bukan kumbahan berwarna kuning ke dalam kebuk masuk loji yang mengakibatkan efluen di peringkat proses akhir tercemar.

Justeru, katanya, petugas IWK terus menghentikan pelepasan discaj efluen dan operasi pembersihan segera dilaksanakan dan siap sepenuhnya semalam.

“Loji ini merupakan *oxidation ditch* (OD) *plant* yang bersambung kepada 11,106 penduduk setara yang hanya meliputi kawasan perindustrian.

“Kerja-kerja dos bahan kimia telah dilakukan bagi mengawal keadaan dan lokasi itu kini dalam pemantauan.

“Kami mengesyaki terdapat pembuangan sisa secara haram dan bahan terbabit mengalir ke dalam loji,” ka-



tanya menerusi satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, kenyataan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dalam satu

kenyataan kelmarin yang melaporkan air Sungai Gong menjadi hitam kerana terdapat pelepasan efluen dari loji IWK yang berbuih dan berwarna akan mengelirukan orang awam yang menuding jari kepada IWK walaupun punca sebenar disebabkan pembuangan sisa secara haram.

“Loji rawatan air kumbahan bertujuan merawat air sahaja tetapi bukan bahan kimia atau sisa lain yang dilepaskan ke dalam jajaran paip pembetungan.

“IWK kecewa kerana sering menjadi sasaran mudah kepada sebarang kejadian pencemaran air tanpa melaporkan maklumat secara menyeluruh,” katanya.

Jelasnya, IWK sentiasa memastikan kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan di semua 7,000 loji selian IWK sentiasa mengikut spesifikasi serta prosedur yang telah ditetapkan pihak berkuasa.

“Pembuangan sisa haram bukan kumbahan satu kesalahan menurut Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (WSIA 2006),” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
21 September 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Sungai Selangor tak terjejas
Muka Surat	:	24

Sungai Selangor tak terjejas

LUAS telah ambil sampel air tetapi tiada bau dan warna hitam dikesan

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF

SHAH ALAM

Insiden air Sungai Gong di sini bertukar hitam tengah hari kelmarin tidak menjejaskan operasi Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor.

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian berkata, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)



HEE LOY SIAN

telah mengambil sampel air di Sungai Sembah iaitu aliran sebelum masuk ke Sungai Selangor dan mendapati tiada bau dan tiada warna kehitaman.

Katanya, tiada tindakan henti tugas loji atau gangguan bekalan air dilaporkan setakat ini.

“Pasukan daripada LUAS dan Air Selangor sentiasa membuat rondaan serta pemantauan rapi setiap hari di Lembangan Sungai Selangor dan Lembangan Sungai Langat.

“Sebab itulah kita dapat menangani sebarang pencemaran dalam masa yang singkat,” ujarnya.

Kelmarin, LUAS mengaktifkan kod kuning sebaik menerima laporan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Gombak berhubung insiden air hitam di Sungai Gong.



Air di Sungai Gong yang bertukar hitam dalam kejadian kelmarin.

